Dalam masa satu minggu, NCCC telah dibanjiri dengan aduan terhadap LuxStyle ApS Jualan Antarabangsa (perdagangan sebagai LuxStyle) berhubung dengan kaedah jualan mereka. Syarikat dalam talian tersebut telah menghantar pengguna notis pembayaran bagi produk yang mereka tidak beli. Lux International ApS Sales mengiklankan produk mereka melalui media sosial seperti Facebook / Instagram. Barang-barang tersebut dianggap telah dibeli oleh pengguna jika pengguna hanya menyemak imbas produk tersebut dan memasuki maklumat mereka. kes-kes yang sama telah direkodkan: &#65533; &#65533;&#65533;&#65533; Australian Competition and Consumer Commission telah menerima 127 aduan dalam tempoh dua bulan pada awal tahun ini, telah mengeluarkan Notis Amaran Awam mengenai kelakuan dakwaan peruncit dalam talian tersebut.

&#65533;&#65533;&#65533; European Consumer Centre Finland juga telah menerima banyak aduan terhadap syarikat yang sama dan telah menjalankan ujian/test ke atas proses pesanan LuxStyle dan mendapati ianya langsung tidal efektif. Finnish Consumer Ombudsmen juga memantau syarikat tersebut.

Memandangkan perkara diatas, perkara ini perlu diberikan perhatian dan ia adalah penting untuk menghantar mesej ini&#65533; kepada orang ramai supaya berwaspada&#65533; dan untuk mengambil langkah-langkah supaya tidak menjadi mangsa yang seterusnya.
NCCC akan menghantar laporan kepada KPDNKK, SKMM dan CYBER SECURITY untuk menjalankan siasatan lanjut mengenai perkara ini.
Jika anda telah melawat laman web LuxStyle dan menerima produk dan invois, sila lakukan yang berikut:
1. Jangan menghantar kembali pakej yang anda terima (tanpa pesanan).
2. Jangan membuat apa-apa bayaran.
3. Jika syarikat telah menghantar e-mel anda, anda boleh secara bertulis menyatakan kepada penjual bahawa anda tidak mahu produk tersebut.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Cik Shabana Naseer Ahmad daripada Pusat Khidmat Aduan Pengguna (NCCC) di talian&#65533; 03-78779000 / shabana.naseer@nccc.org.my &#65533;